



**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA**

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-109</b> Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN 2)	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	<b>11 April 2019 (Khamis)</b>  <b>Jam 12.00 tengah hari</b>	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang 330206 perancangan bandar dan wilayah; dan 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah.
2.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-94</b> Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (Semakan Semula)	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	<b>11 April 2019 (Khamis)</b>  <b>Jam 12.00 tengah hari</b>	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang 330206 perancangan bandar dan wilayah; dan 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah.

2. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Tingkat 1, Blok Tanjung, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur bermula pada 22 Mac 2019 hingga 11 April 2019.**

3. Waktu operasi bagi Penjualan Dokumen Tender adalah seperti berikut :-

**WAKTU OPERASI**

- a. Isnin hingga Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang
- b. Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
- c. Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP

***Tiada Urusniaga Dilaksanakan Selepas Waktu Operasi Di Atas Bagi Tujuan Urusan Perbankan.***

4. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set.
5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos” di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :

---

**Ketua Pengarah  
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)  
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur.**

---

6. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka di Seksyen Kewangan PLANMalaysia seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 11 April 2019**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Firma perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan seperti ketetapan berikut :

**Tarikh : 28 Mac 2019 (Khamis)**  
**Masa : 9.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 20  
Wisma Tun Sambanthan  
Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur**